

Dugaan

selepas bersara

Oleh Nor Affizar Ibrahim

affizar@bharian.com.my

BICARA ceria dan senda gurau tidak lekang antara mereka berdua. Bersulam cerita, sesekali kedengaran deraian ketawa pasangan suami isteri itu lalu memecahkan kesunyian rumah banglo berkenaan. Begitulah yang dapat digambarkan kerukunan dan keharmonian hidup dilalui mantan Ketua Pengarah Muzium Negara, Datuk Dr Adi Taha, 58, bersama isterinya, Datin Wan Aminah Wan Yusof, 57, selepas bersara lebih setahun lalu.

Kehidupan selepas bersara lebih bermakna dan tidak pernah sunyi kerana sentiasa dikelilingi anak menantu dan cucu. Namun, di sebalik keceriaan itu, pasangan berkenaan sebenarnya turut berdepan dengan ujian kehidupan yang tidak pernah diduga akan melingkari hari tua mereka.

Dugaan hebat itu ialah apabila Dr Adi disahkan oleh doktor menghidap barah prostat. Penyakit barah yang dikatakan keenam paling tinggi dihidapi lelaki Malaysia itu didiagnos dua tahun sebelum beliau bersara daripada perkhidmatan kerajaan.

Bagi Dr Adi, semua itu adalah ujian daripada Allah untuk hamba-Nya. Justeru, beliau sentiasa reda dengan ketentuan qada dan qadar serta berharap selepas bersara dan melepaskan jawatan kerajaan, dapat melalui kehidupan dengan lebih ceria dan penuh ketenangan.

Selepas bersara beliau juga

Datuk Dr Adi hidap barah reda dengan ketentuan qada dan qadar

dapat bermesra dan menghabiskan lebih banyak masa bersama isteri, anak menantu serta cucu. Berbanding dulu, seawal jam 8 pagi beliau sudah berada di pejabat, manakala pulang ke rumah selepas matahari menghilangkan diri. Mengenangkan semua itulah Dr Adi kini berasa puas dapat berehat sepenuhnya dan tidak mahu terlalu memikirkan penyakit dihadapi.

Beliau turut berpendapat, cara yang dipilih itu adalah antara jalan terbaik untuk menerima hakikat kehidupan, di samping membebaskan diri daripada sebarang tekanan. Walaupun tidak dinafikan ada pelbagai perkara menakutkan atau membimbangkan yang dicetuskan, setiap kali berbicara mengenai penyakit bahaya digeruni ramai itu.

"Apabila menyebut barah, sudah tentu ramai yang membayangkan penyakit itu pembawa maut. Tetapi saya tidak mahu memikirkan itu. Bagi saya, barah hanyalah sejenis penyakit dan ia adalah musibah daripada Allah. Dan kita kena sedar, penyakit datang kerana kesilapan diri sendiri yang mana kita mungkin tidak

mengambil berat amalan penjagaan makan minum ataupun tidak menjalani kehidupan sihat sebelum ini. Jadi, inilah akibat yang harus kita tanggung.

"Pada masa yang sama, kita harus ingat setiap penyakit itu ada ubat dan bagi yang menghidapinya juga perlu menjalani kehidupan sihat. Kehidupan ini amat mudah. Kita semua akan mati. Cepat atau lambat hanya qada dan qadar yang ditentukan. Sebab itulah ketika kali pertama mendapat khabar berita itu saya dapat terimananya dengan hati terbuka," katanya dengan wajah tenang ketika ditemui di rumahnya di Setapak, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pertemuan singkat itu turut disertai lima pelajar peringkat sarjana Pengajian Komunikasi Korporat, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk berkongsi pengalaman dan membuat kajian berkaitan bidang pengajian mereka.

Dr Adi berkata, sepanjang berdepan dengan penyakit barah, dirinya sememangnya lebih suka mengambil sikap terbuka dan tidak kisah untuk berkongsi cerita ataupun masalah yang dihadapi bersama isteri mahupun anak.

Akuinya, dengan berfikiran positif dan menjalani kehidupan seperti biasa, beliau bagaikan tidak menghidap sebarang penyakit bahaya dan dapat mengelakkan diri daripada berasa terlalu tertekan.

"Sebenarnya, saya tidak terlalu memikirkan penyakit yang saya hadapi. Sebaliknya, isteri dan anak yang lebih-lebih memikirkannya. Malah, jika hendak ikutkan saya lebih teringatkan dan memikirkan kemalangan ngeri yang pernah mendapat liputan luas media, menimpa saya lapan tahun lalu berbanding penyakit barah dihadapi kini. Hingga ke hari ini saya masih tidak lupa dan ingin bercerita mengenai kemalangan itu. Lebih menyedihkan, kemalangan itu meragut nyawa pemandu, manakala saya terlantar lama di hospital.

"Selain itu, selepas bersara saya berasa lebih rehat dan tidak lagi terkejar-kejar ke sana sini. Saya juga banyak mendekatkan diri dengan Allah dan dapat meluangkan banyak masa untuk mengaji al-Quran. Semua yang saya lakukan ini mampu memberikan ketenangan jiwa, sekali gus tidak risau mengenai penyakit dihadapi," katanya



Kehidupan ini amat mudah. Kita semua akan mati. Cepat atau lambat hanya qada dan qadar yang ditentukan. Sebab itulah ketika kali pertama mendapat khabar berita itu saya dapat terimananya dengan hati terbuka"

Dr Adi Taha


Bekas Ketua Pengarah
Muzium Negara

berkongsi rahsia dalam mencari kedamaian jiwa.

Bagaimanapun, Dr Adi tidak menafikan ada ketika badannya berasa tidak begitu selesa dan sakit-sakit. Keadaan itu biasanya akan mengganggu tidurnya. Menurut doktor, kesan kemalangan lalu turut menyebabkan sel barah di dalam tubuhnya cepat merebak. Oleh sebab itulah bahagian belakangnya sering mengalami rasa sakit dan tidak selesa.

Katanya, sehingga kini beliau masih menjalani rawatan yang memerlukan membuat suntikan sekali dalam sebulan dan mengambil beberapa jenis ubat setiap hari, manakala sebelum ini beliau sudah pun menjalani dua kali pembedahan.

Namun, Dr Adi yang masih aktif memberi ceramah dan membenteng kertas kerja dalam majlis ilmu serta memikul tugas Yang Dipertua Persatuan Akrologi Malaysia, bertuah dalam melawan penyakit barah prostat dan terpaksa berulang alik ke hospital bagi mendapatkan rawatan, isterinya sentiasa di sisi menemani. Begitu juga anak menantu sentiasa mengambil tahu tahap kesihatan beliau dan sering memberikan sokongan, sekali gus memberinya semangat meneruskan kehidupan serta hari tua dengan lebih bermakna.



TETAP ceria walaupun menhadapi ujian getir dalam kehidupan.



MEMELIHARA ikan antara yang memberikan ketenangan kepada Dr Adi.



PELAJAR peringkat sarjana dari Pengajian Komunikasi Korporat, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia turut berkongsi pengalaman dengan Dr Adi .



KINI lebih banyak masa dihabiskan bersama isteri tercinta yang banyak memberi semangat untuk melawan penyakit barah.



DR ADI dan isteri berkongsi minat membela kucing.